

UMS, UTM dekati komuniti

BH 24.4.2014 V9

Johor Bahru: Bagi meningkatkan kemahiran insaniah mahasiswa, Kelab Pembimbing Rakan Siswa (PRSiswa) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjayakan program Khidmat Komuniti I-Camp sekitar Johor, baru-baru ini.

Pengarah program, Nurul Aiin Zaiton, berkata acara yang disertai 18 mahasiswa UMS itu mendapat kerjasama Pembimbing Rakan Siswa (Persis) Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Beliau berkata, program berlangsung di empat lokasi terpilih iaitu Kolej Profesional MARA Bandar Penawar, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Raja Muda, SMK Seri Menanti dan Agensi Anti-Dadah Kebangsaan dae-

rah Muar.

Kemahiran insaniah

“Program berkonsepkan Sahsiah

Pemangkin Kecemerlangan Mahasiswa ini bertujuan menerapkan kemahiran insaniah sekali gus membentuk keperibadian cemerlang dalam kalanngan siswa siswi ke arah melahirkan modal insan yang berdaya saing.

“Program turut menjadi satu daripada usaha universiti mengukuhkan jalinan akrab dengan masyarakat pelbagai peringkat,” katanya.

Tahun lalu, PRSiswa menganjurkan Program Khidmat Komuniti Lam-

baihan Pantai Timur (LBT) di Kelantan dan Johor ialah negeri kedua bagi penganjuran program berkenaan.

Turut serta dalam program berkenaan ialah Penyelaras Kelab PRSiswa

UMS yang juga Pegawai Psikologi UMS, Adzmil Abidin.



Pengisian kerohanian turut diterapkan dalam program berkenaan.

